



Mohd Muslim selesa berkerusi roda

BH (Nasional) Selasa (24/4/07) R. B6

Oleh Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Penderitaan Mohd Muslim Roslan, 16, yang tidak mempunyai kedua-dua tangan dan kaki, mendapat perhatian daripada pembaca *Berita Harian* dan *New Straits Times (NST)* yang menyalurkan sumbangan kerusi roda jenis Invacare buatan Amerika Syarikat berharga RM4,500.

Kerusi roda model 9000 XT dengan berat 11 kilogram (kg) itu memudahkan anak keempat daripada lima beradik itu bergerak di luar rumah.

Bagi Sarifah Ahmad, 46, hanya ucapan terima kasih dapat diberikan kepada seluruh pembaca *Berita Harian-NST* yang sudi menyumbangkan kerusi roda kepada anaknya yang sebelum ini pergerakannya terbatas di dalam rumah.

"Dengan kerusi roda ini, Mohd Muslim dapat ke padang permainan melihat rakannya bermain bola sepak selain bersiar-siar sekitar ka-

wasan Felda Bukit Sagu Dua dan sekitarnya.

"Walaupun terpaksa dibantu, namun kerusi roda ini dapat mengurangkan beban keluarga kami," katanya selepas menerima kerusi roda yang diserahkan Ketua Biro Eksekutif *Berita Harian Pahang*, Ahmad Ghazali Musa, di rumahnya di Felda Bukit Sagu Dua, dekat sini, semalam.

Pada majlis sama, Mohd Muslim turut menerima cek RM1,500 sumbangan pembaca *Berita Harian-NST* yang prihatin terhadap nasib remaja berkenaan.

Sarifah berkata, sebelum ini, dia ada membeli kerusi roda bayi untuk membawa Mohd Muslim bersiar-siar, tetapi sejak kejadian anaknya terjatuh dalam longkang sehingga menyebabkan giginya patah, ia tidak lagi digunakannya.

Beliau berkata, pada peringkat awal, Muslim mungkin menghadapi masalah untuk naik ke atas kerusi roda berkenaan berikutan kedudukan kerusi itu agak tinggi.

Sementara itu, Mohd Muslim berkata, hidupnya kini lebih bermakna apabila berpeluang melihat persekitaran luar rumahnya.

Beliau yang agak pendiam dan pemalu juga ingin menyambung persekolahan selepas hanya belajar di tadika sebelum ini.

Sebelum ini, kisah Mohd Muslim turut mendapat perhatian pakar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang sedia mencipta kerusi khas yang memiliki ciri kenderaan pauman empat roda bernilai kira-kira RM50,000.



BEGINI CARANYA: Sarifah mengajar Muslim menggunakan kerusi roda yang disumbangkan oleh pembaca *Berita Harian-NST*.

FAKTA NOMBOR

Kerusi roda sumbangan NSTP

RM4,500

Harga kerusi roda

11kg

Berat kerusi